

21/10/1999

Rakyat perlu buat pemilihan tepat

Dr Mohd Azaman Rauzan

KITA akan menempuh abad baru iaitu tahun 2000, tidak lama lagi. Namun, sewaktu di ambang kelahiran abad baru, zaman baru, alaf baru dan cabaran baru yang mendatang, seluruh rakyat Malaysia sekali lagi diuji dengan satu lagi dugaan dan ujian paling getir yang terpaksa ditempuhi baru-baru ini.

Agak tidak keterlaluan kalau saya ibaratkan dugaan itu sebagai 'Pembohongan abad ini kepada rakyat Malaysia' iaitu isu keracunan arsenik 'Subramaniam'.

Biarlah peristiwa pembohongan abad ini dijadikan satu kenangan segenap rakyat Malaysia untuk menjadi azimat dalam menghadapi tahun 2000 yang lebih mencabar ini.

Sebenarnya banyak hikmah di sebalik isu pembohongan keracunan arsenik yang baru berlalu kerana secara tidak langsung ia mendedahkan pelakon sebenar di sebalik kekalutan politik dan ketidaktenteraman yang berlaku di negara kita yang aman sebelum ini.

Syabas saya ucapkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang terbuka pintu hati, mata, telinga termasuk jiwa mereka untuk menerima kenyataan mengenai siapa yang menjadi petualang di sebalik tindakan memfitnah kerajaan dan pemimpinnya dengan pelbagai tuduhan menjijikkan.

Sudah sampai masanya kerajaan dan pihak berwajib mengambil tindakan sewajarnya agar keharmonian dan kedamaian yang selama ini dikecapi rakyat Malaysia berkekalan hingga ke anak cucu. Kerajaan juga mempunyai tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat untuk menjamin ketenteraman awam serta keharmonian dan kedamaian negara Malaysia yang dicintai ini.

"Cukup, cukup, cukup" itulah rayuan saya sebagai rakyat Malaysia kepada parti pembangkang terutama pemimpin Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang membuat pelbagai tuduhan dan tohmahan yang tidak berasas kepada kerajaan dan pemimpinnya. Malaysia sudah cukup dicabar dengan pelbagai dugaan dari luar sama ada dalam bidang ekonomi atau hak asasi sejagat.

Tidak kasihankah kita melihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhujah panjang lebar di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan bertegang urat dengan ahli korporat Barat di New York tempoh hari untuk menyangkal dakwaan palsu pengkhianat negara dalam memulihkan keyakinan rakyat asing untuk menarik pelaburan untuk negara kita? Apakah sumbangan pemimpin parti pembangkang dalam menjamin kestabilan selain menabur fitnah dan tohmahan yang tidak masuk akal?

Baru-baru ini, saya mengikuti satu ceramah motivasi jati diri dan salah seorang daripada penceramahnyalah ialah Timbalan Mufti Negeri Johor, Datuk Mohd Noh Gadut. Antara intipati penting di dalam ceramah beliau ialah: "Jika tuan-tuan tidak dapat menyelesaikan masalah, janganlah tuan-tuan sendiri mendatangkan masalah kepada negara atau organisasi setempat".

Kepada pemimpin parti alternatif, sila ambil iktibar daripada intipati ceramah yang saya sebutkan itu. Kalau pemimpin parti alternatif tidak dapat membantu membangunkan negara dengan pesatnya di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN), tolonglah jangan hancurkannya pula.

Tidak berapa lama lagi seluruh rakyat Malaysia akan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai warganegara. Janganlah mensia-siakan peluang yang diberikan. Marilah kita bersatu hati menjamin kesinambungan keharmonian sejagat yang kita kecapai selama 42 tahun merdeka di bawah panji-panji BN. Biarlah parti pembangkang terjun dengan labu-labunya ke dalam lautan fitnah dan pembohongan.

Buatlah pemilihan yang tepat. Sejarah yang dulunya berlaku beratus ribu batu jauhnya sekarang sedang menjelma di depan mata kita seperti apa yang berlaku di Timor Timur.

Perpaduan rakyat Malaysia penting dalam menangani cabaran yang mendatang. Bersatulah rakyat Malaysia. Bersatulah orang-orang Melayu. Bersatulah kerana bersatu teguh bercerai roboh.

Saya akhiri dengan serangkap pantun.

Adil efisien banyak manfaat
semua bangsa hidup muafakat
Barisan Nasional pilihan yang tepat
Demi menjamin kesejahteraan rakyat.